

## Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS)

### LATAR BELAKANG

- Penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS) telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009. Sejumlah RM3 juta telah diperuntukkan sebagai geran pelancaran.
- Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 17 Disember 2010 telah bersetuju supaya ditubuhkan satu Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.
- Jemaah Menteri juga bersetuju supaya baki kewangan daripada 3 Akaun di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) iaitu Akaun Amanah Kebudayaan (Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957), Akaun Amanah Pembangunan Seni dan Muzik (Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Tabung Kebajikan Penggiat Seni yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009 diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni ini (KWAKKPS).
- Pada 15 Mei 2013, pembentukan Kabinet baru selepas Pilihanraya Umum yang ke-13, Sektor Kebudayaan KPKK telah diserapkan di Kementerian Pelancongan Malaysia yang kemudiannya dinamakan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC). Semenjak, pembentukan MOTAC, Kementerian hanya mentadbir KWAKKPS dengan dua akaun seperti berikut:-

### SUMBANGAN KEPADA KWAKKPS

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia menggalakkan sumbangan individu dan syarikat korporat tertakluk di bawah Surat Ikatan Amanah bagi Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi melestarikan kewangan KWAKKPS serta menambahkan dana sedia ada bagi kegunaan akan datang.
- Sumbangan yang diterima akan dimasukkan di dalam akaun KWAKKPS, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan akan dibelanjakan bagi maksud pelaksanaan kegiatan berkaitan seni, budaya dan warisan.
- Cek / Bank Draf sumbangan boleh dialamatkan kepada; "Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia" dan diserahkan kepada Urus Setia KWAKKPS.

## **FAEDAH BAGI PENYUMBANG DI BAWAH KWAKKPS**

- Penderma-penderma yang menderma kepada sesebuah institusi, organisasi atau tabung yang telah diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 layak mendapat tolakan atas derma-derma mereka dalam pengiraan pendapatan agregat. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa hanya derma-derma wang tunai yang disokong oleh resit-resit rasmi layak untuk tolakan. Derma-derma berupa barang (misalnya makanan, pakaian, komputer, saham dan bahan binaan) tidak layak untuk tolakan cukai.
- Pengeluaran resit rasmi Kerajaan atau KEW38 oleh kementerian yang menerima sumbangan/ derma wang tunai daripada orang awam/ pihak swasta berkenaan adalah syarat utama bagi melayakkan para penyumbang menuntut potongan cukai pendapatan bagi tahun taksiran sumbangan dibuat dengan pihak LHDN.

## **2 AKAUN DI BAWAH KWAKKPS**

### **Akaun A: Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS)**

Penubuhan tabung ini bertujuan untuk memastikan kebajikan penggiat seni sentiasa terbela dan diberi perhatian. Bantuan kewangan diberikan untuk individu / penggiat seni berdasarkan kepada lima (5) jenis pemberian bantuan seperti berikut:

Bil	Jenis Bantuan	Had Maksima (RM)
1	Ehsan	10,000.00
2	Khairat Kematian	5,000.00
3	Perubatan	10,000.00
4	Bencana	5,000.00
5	Pengiktirafan	30,000.00

### **Takrif Penggiat Seni**

- Penulis
- Pelakon/Pelawak
- Penyanyi
- Pemuzik
- Pelukis
- Kraftangan
- Teater
- Seni Mempertahankan Diri
- Lain-lain yang berkaitan dengan bidang seni, budaya dan warisan

## **Syarat-Syarat Kelayakan**

- Penggiat Seni Malaysia / penduduk tetap atau **warganegara** Singapura yang **seangkatan** dengan seniman Allahyarham Tan Sri P. Ramlee;
- Bergiat secara **aktif** dalam bidang seni sekurang-kurangnya bagi tempoh **tiga (3) tahun** dan telah diiktiraf oleh Kerajaan;
- Berumur **60 tahun ke atas** adalah diberi keutamaan;
- Mempunyai peribadi dan latar belakang yang **baik serta tiada rekod jenayah**;
- **Tidak mempunyai pendapatan** atau sumber kewangan yang mencukupi dan **telah dibuktikan** oleh mana-mana pihak; dan
- **Mengidap penyakit kronik** yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan rawatan hendaklah dibuat di **hospital/klinik Kerajaan** sahaja.

## **Prosedur Permohonan**

Semua permohonan mestilah menggunakan Borang Permohonan Bantuan Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS) dengan disertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:-

- i. Salinan kad pengenalan pemohon / waris yang disahkan (bagi permohonan Khairat Kematian)
- ii. Salinan muka hadapan buku akaun bank pemohon / waris yang disahkan
- iii. Salinan sijil kematian yang disahkan (bagi permohonan Khairat Kematian)
- iv. Maklumat sumbangan dalam bidang seni yang disahkan oleh jabatan / agensi di bawah MOTAC atau NGO yang berkaitan
- v. Surat Pengesahan / Laporan Doktor (bagi permohonan Perubatan)
- vi. Salinan Laporan Polis (bagi permohonan Bencana)
- vii. Surat Perakuan/Pengiktirafan jabatan / agensi di bawah MOTAC yang berkaitan

## **Akaun B: Tabung Amanah dan Sumbangan (TAS)**

Akaun ini merupakan hasil penjanaan daripada sumbangan atau pemberian individu, syarikat atau pihak Kerajaan atau hasil jualan tiket, penerbitan dan sewaan prasarana yang tertakluk di bawah Surat Ikatan Amanah bagi Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni.

Pemberian bantuan kewangan di bawah akaun ini terbuka kepada individu (Penggiat Seni) dan Pertubuhan (NGO/NPO) bagi tujuan pelaksanaan projek atau kegiatan seperti berikut:

- Kegiatan pengembangan dan penggalakan seni dan budaya tempatan dalam bentuk pementasan, latihan, pertandingan, pameran, pembelian peralatan dan kegiatan-kegiatan seumpamanya yang diluluskan oleh JPPK.
- Pemuliharaan aspek kebudayaan dan kesenian masyarakat Malaysia seperti kenduri adat, bimbingan kumpulan pelapis dan seumpamanya.

- Penyelidikan berkaitan kebudayaan dan kesenian masyarakat penduduk Malaysia.

### **Syarat-Syarat Kelayakan**

- Individu (Penggiat Seni) / Pertubuhan (NGO/NPO) yang bergiat dalam bidang kebudayaan dan kesenian yang tidak berorientasikan keuntungan;
- Individu (Penggiat Seni) / Pertubuhan (NGO/NPO) yang tidak mempunyai kewangan yang kukuh;
- Individu (Penggiat Seni) / Pertubuhan (NGO/NPO) yang mempunyai perancangan yang baik untuk meningkatkan industri seni dan budaya; dan
- Individu (Penggiat Seni) / Pertubuhan (NGO/NPO) yang menganjurkan program/aktiviti yang akan memberi manfaat/impak kepada kumpulan sasar.

### **Prosedur Permohonan**

Semua permohonan mestilah menggunakan Borang Permohonan Bantuan Tabung Amanah dan Sumbangan (TAS) dengan disertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:-

- i. Salinan kad pengenalan / pasport pemohon yang disahkan (bagi permohonan individu)
- ii. Salinan muka hadapan buku akaun bank pemohon yang disahkan (bagi permohonan individu)
- iii. Salinan penyata kewangan terkini yang disahkan (bagi permohonan pertubuhan)
- iv. Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan **atau** surat perakuan universiti bagi persatuan yang berdaftar di bawah MAKUM **atau** salinan Sijil Pendaftaran di bawah SSM yang tidak berorientasikan keuntungan
- v. Kertas kerja permohonan yang mempunyai maklumat merangkumi;
  - Keterangan program / aktiviti
  - Senarai ahli jawatankuasa NGO/NPO
  - Jumlah ahli persatuan termasuk gabungan (NGO)
  - Alamat, nombor telefon / faks dan nama pegawai untuk dihubungi
  - Minit Mesyuarat Agung terkini (NGO)
  - Senarai program/aktiviti tahun lepas
  - Perancangan pelaksanaan program/aktiviti tahun semasa dan akan datang.
  - Surat sokongan agensi/jabatan yang berkaitan (jika perlu).

### **SURAT SETUJU TERIMA BANTUAN KEWANGAN BAGI AKAUN B: TAS**

1. Penggiat Seni perlu mematuhi ketetapan-ketetapan dan lain-lain syarat tambahan di dalam pemberian bantuan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

2. Surat Setuju Terima Bantuan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada urus setia dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat keputusan yang dikeluarkan.

### **PERANAN PENGGIAT SENI BAGI PERMOHONAN DI BAWAH AKAUN B: TAS**

1. Program yang diluluskan oleh MOTAC perlu mengemukakan laporan program keseluruhan dalam masa 30 HARI @ 1 BULAN selepas program selesai diadakan. Setiap program yang telah diluluskan oleh MOTAC perlu memberi pengiktirafan kepada MOTAC melalui Logo MOTAC.
2. Surat jemputan bagi program yang dijalankan kepada pihak urus setia untuk pemantauan.
3. Setiap program perlu akur pada Perlembagaan dan Undang-undang Malaysia.

### **CARA MEMOHON DAN SEBARANG PERTANYAAN**

Permohonan adalah tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah bagi Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta Garis Panduan Bantuan Kebudayaan melalui Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan dan Jawatankuasa KWAKKPS.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Urus Setia KWAKKPS, MOTAC seperti butiran di bawah:

**Urus Setia Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS)**  
**Bahagian Dasar Kebudayaan**  
**Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)**  
**Aras 4, No. 2, Menara 1**  
**Jalan P5/6, Presint 5**  
**62200 PUTRAJAYA**  
**Tel : 03-8891 7399**  
**Faks : 03-8891 7460**  
**E-mel: [salida@motac.gov.my](mailto:salida@motac.gov.my) / [insentif@motac.gov.my](mailto:insentif@motac.gov.my)**